

Raja Perlis kesal pengangkutan makin teruk

BH / 180810 / 2 / 1 / D / Perlis LG

KANGAR: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail kesal dengan sistem pengangkutan di bandar ini yang baginda disifatkan semakin hari semakin teruk.

Baginda bertitah, sebagai contoh tambang yang dike-nakan oleh pemandu teksi di negeri ini mahal dan tidak munasabah serta membebankan rakyat.

"Baru-baru ini ada rakyat

datang berkunjung ke istana beta menaiki teksi dikenakan tambang sehingga RM8 dari pekan Arau yang jaraknya tidak sampai dua kilometer.

"Kadar ini tidak masuk akal kerana jauh lebih mahal daripada caj yang dike-nakan di bandar raya Kuala Lumpur.

"Ini menyebabkan rakyat yang kurang berkemampuan semakin dihimpit kesusa-han kerana kos pengang-

kutan awam yang terlalu mahal," titah baginda pada majlis berbuka puasa bersama lebih 100 rakyat an-juran Majlis Hal Ehwal Agama Islam Perlis (MAIPs) ber-tempat di Tasoh Lake Resort, di sini, malam kel-marin.

Justeru, baginda berha-rap pihak berkuasa memantau keadaan itu bagi memastikan pemandu teksi tidak mengenakan tambang sesu-ka hati kerana mereka yang

menggunakan pengangku-tan awam di negeri ini rata-ratanya berpendapatan ren-dah.

"Keadaan teksi di negeri ini juga ada yang sudah ter-lalu uzur dan kurang selesa untuk dinaiki. Hal ini boleh menyebabkan pelancong mungkin tidak gemar untuk berkunjung ke Perlis, sekali gus meninggalkan tangga-pan negatif di kalangan me-reka," titah baginda.

Terdahulu, pada majlis

itu baginda turut mewakili MAIPs menerima sumba-nan zakat sebanyak RM178,970 daripada Syari-kat Padiberas Nasional Ber-had (BERNAS) yang disam-paiakan pengurusnya, Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Shahabudin serta sumba-nan untuk golongan mis-kin sebanyak RM80,000 oleh Yayasan Harmoni yang di-sampaikan Pengarah Ekse-kutifnya, Radzuan Abdull-lah.